

## Rompin FA komited lahirkan pengadil wanita

Asrol Awang

sukan@hmetro.com.my



RADZI (tengah) bersama empat pengadil wanita dari Rompin FA. FOTO Rompin FA

Kuantan: Persatuan Bolasepak Daerah Rompin (Rompin FA) akan terus melahirkan lebih ramai pengadil wanita pada masa depan.

Ketua Pembangunan Pengadil Rompin FA, Mohd Radzi Abdul Manan berkata sejak 2018 hingga tahun ini, seramai 11 wanita berjaya menjadi pengadil di peringkat daerah, negeri dan negara.

Katanya, tahun ini empat wanita berminat menjadi pengadil yang menunjukkan komitmen tinggi dalam sukan bola sepak di Pahang dan Malaysia.

"Daripada empat wanita berminat menjadi pengadil, dua daripada mereka adalah daripada masyarakat Orang Asli di Kuala Rompin, Rompin. Mereka adalah Zurina Jamal, 22 dan Rosyafika Rohamad, 19 manakala dua lagi Arni Atikah Makmur, 22 dan Afiqah Amalia Hanafi, 22," katanya.

Mohd Radzi berkata, empat wanita berkenaan baru sahaja menamatkan Kursus Pengadil Bolasepak Kelas III Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) yang diadakan di Kuantan, baru-baru ini.

Katanya, kursus itu dihadiri 60 peserta termasuk empat wanita dari Rompin FA.

"Oleh itu, Rompin FA mengharapkan dapat melahirkan lebih ramai pengadil wanita dari Rompin," katanya.

Berdasarkan pencapaian, Rompin FA melahirkan pengadil kebangsaan, Azlina Mohd Nong yang lulus dalam Peperiksaan Bertulis Pengadil Kebangsaan Kelas Satu 2020.

**Disiarkan pada: Mac 28, 2022 @ 2:38pm**